

D857

U B701 AAB  
MAHATHIR - PENGAJIAN RRR

PULAU PINANG, 20 FEB (BERNAMA) -- PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI PADA AKHIRNYA AKAN DISWASTAKAN WALAUPUN DASAR-DASARNYA MUNGKIN DITENTUKAN OLEH KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DI KEBANYAKAN NEGARA MAJU, PELAJARAN MEMANG DIUSAHAKAN OLEH PIHAK SWASTA, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI OZON TROPIKA DAN ATMOSFERA DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI SINI.

KATANYA PADA ZAMAN DAHULU, TIDAK ADA PIHAK SWASTA YANG MAMPU UNTUK MEMBEKALKAN KEMUDAHAN PELAJARAN TINGGI DAN WAJAR SEKALI BAGI KERAJAAN MENGADAKAN TEMPAT-TEMPAT PELAJARAN TINGGI.

+TETAPI SETELAH MASYARAKAT MENJADI LEBIH MAJU, PIHAK SWASTA MEMPUNYAI KEMAMPUAN... SEPATUTNYA PELAJARAN DIKEMBANGKAN OLEH PIHAK SWASTA,+ KATA BELIAU APABILA DITANYA SAMA ADA PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI AKAN TURUT DISWASTAKAN OLEH KERAJAAN.

MENGENAI PENGUASAAN BAHASA INGGERIS YANG DIKATAKAN MEROSOT DI KALANGAN SISWAZAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AMATLAH PENTING BAGI MEREKA MENGUASAI ILMU PENGETAHUAN MELALUI SALURAN BAHASA-BAHASA LAIN SELAIN DARIPADA BAHASA KEBANGSAAN. -- LAGI.

1701MST 20 02 90

D859

U B702 AAB  
MAHATHIR - PENGAJIAN 2 PULAU PINANG RRR

KATANYA KEENGGANAN MENGUASAI BAHASA SELAIN DARIPADA BAHASA KEBANGSAAN MERUPAKAN SATU PANDANGAN NASIONALISME YANG SEMPIT YANG AKAN MERUGIKAN DIRI SENDIRI.

+KALAU HENDAK BELAJAR DAN MENIMBA ILMU, SESEORANG ITU SUDAH TENTU MESTI MENGUASAI BAHASA LAIN DAN ANTARA BAHASA YANG DIGUNAKAN SECARA MELUAS IALAH BAHASA INGGERIS,+ KATANYA.

SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BANYAK ORANG SEKARANG JUGA BERMINAT HENDAK BELAJAR BAHASA JEPUN KERANA ORANG JEPUN SEKARANG MAJU DALAM PELBAGAI BIDANG.

MENGENAI SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENDAPAT BALIK MODAL YANG DIBELANJAKAN UNTUK PARA PELAJAR DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA PELAJAR SENDIRI.

JIKA ILMU YANG DIPEROLEHI MEREKA SEMASA DI PUSAT PENGAJIAN TIDAK MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA MASYARAKAT, MAKA MEREKA MEMBAZIRKAN WANG MASYARAKAT YANG DISALURKAN KEPADA MEREKA MELALUI KERAJAAN. -- BERNAMA.

1705MST 20 02 90